

27 FEB 2004
Sukan-Skuasi
MALAYSIA TUAN RUMAH KEJOHANAN SKUASI ASIA

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah Kejohanan Skuasi Asia ke 12 pada Jun, iaitu bagi kali kelima sejak 1986.

Malaysia memegang rekod dalam menganjurkan kejohanan itu iaitu empat kali masing-masing pada 1986, 1994, 1998 dan 2002.

Presiden Persatuan Reket Skuasi Malaysia (SRAM) Datuk Mokhzani Tun Mahathir berkata, kejohanan itu akan diadakan dari 18-26 Jun di Pusat Skuasi Negara di Bukit Jalil.

"Kejohanan itu sepatutnya dianjurkan oleh Sri Lanka atau Kuwait bersama Hong Kong sebagai lokasi `standby', tetapi malangnya kesemua tiga tidak dapat menganjurkannya," kata beliau dalam persidangan media di sini, hari ini.

Memandangkan ini, katanya, Persekutuan Skuasi Asia (ASF) telah menghubunginya pada awal bulan ini untuk membantu menjayakan kejohanan itu.

"Saya gembira untuk mengumumkan bahawa ASF telah bersetuju dengan syarat-syarat kita dan oleh itu kami sedia menjadi tuan rumah," katanya.

"Selain daripada itu, kami juga menyahut seruan Menteri Belia dan Sukan untuk menggunakan semua kemudahan sukan Bukit Jalil, memandangkan Pusat Skuasi Negara tidak digunakan sepenuhnya selepas SUKMA 2002," katanya.

Beliau berkata Kejohanan Skuasi Asia 2004 akan menjadi percubaan ketiga SRAM untuk merangkul kesemua empat kejuaraan yang dipertandingkan -- Lelaki, Wanita, Lelaki Berpasukan dan Wanita Berpasukan.

"Kejohanan itu dijalankan setiap dua tahun dan kejohanan terakhir juga diadakan di Malaysia," katanya.

Malaysia memenangi kejuaraan Lelaki dan Wanita masing-masing melalui Ong Beng Hee dan Nicol David pada tahun 2000 dan 2002.

-- BERNAMA
SKS AHH PR